

# ICT Zone Asia akan perluas perniagaan pajakan, penyewaan tahun depan

 [bernama.com/bm/ekonomi/news.php](https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php)



KUALA LUMPUR, 15 Dis -- ICT Zone Asia Bhd, penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), akan memperluas perniagaan pajakan dan penyewaan menerusi penambahan rangkaian produk, dengan pengurusan peranti dan perisian keselamatan komputer sebagai perkhidmatan pada separuh pertama 2021.

Pengaruh Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lim Kok Kwang berkata perluasan itu juga akan merangkumi pengguna runcit dan penjual balik pihak ketiga, menerusi platform e-dagangnya sendiri [www.komputermurah.my](http://www.komputermurah.my) untuk melengkapkan ekosistem perniagaan.

"Perniagaan pajakan dan penyewaan ICT Zone Asia merupakan perniagaan berintensifkan modal dan dengan lebih banyak pendanaan, kami boleh berkembang dan kini beralih daripada pasaran hutang kepada pasaran ekuiti.

"Berlandaskan kedudukan kami pada masa ini, kami akan dapat bekerjasama dengan lebih banyak bank dan institusi untuk meningkatkan dana kami," katanya pada sidang media maya sempena penyenaraian dua sekuriti syarikat itu yang mula disenaraikan di Pasaran LEAP, Bursa Malaysia hari ini.

Langkah penyenaraian itu, yang dilaksanakan sebagai pengenalan, merangkumi penyenaraian dan sebut harga bagi 533.75 saham pada harga rujukan penyenaraian sebanyak 16 sen sesaham, dan 75.32 juta saham keutamaan boleh tukar tidak boleh tebus (ICPS) pada harga rujukan penyenaraian 20 sen bagi setiap ICPS.

ICPS syarikat itu menawarkan kadar dividen 10 peratus pada harga terbitan ICPS bagi tempoh lima tahun.

Berdasarkan harga penyenaian 16 sen sesaham, pemodalan pasaran syarikat itu apabila disenaraikan akan berjumlah RM85.4 juta.

Lim berkata pihaknya juga menyasarkan untuk menawarkan pilihan baharu bagi membiayai penyelesaian ICT kepada pelanggannya.

Berasaskan mempertimbangkan pembiayaan, syarikat berhasrat menyediakan modal untuk saluran dan rakan strategiknya bagi memudahkan pembelian secara langsung penyelesaian ICT memandangkan mereka lazimnya menghadapi masalah aliran tunai.

Nilai perolehan kontrak dalam tangan ICT Zone Asia pada masa ini berjumlah lebih RM40 juta dan antara pelanggan terbesarnya ialah syarikat pemula niaga.

Sebelum penyenaian di Pasaran LEAP hari ini, Lim berkata syarikat itu melancarkan Skim Usaha ICT Zone patuh syariah pertama mengikut Akta Skim Kepentingan 2016 Pendaftar Syarikat Malaysia pada 2011 untuk membiayai perniagaan penyewaan dan pajakan.

-- BERNAMA